



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
ENTREPRENEURSHIP AND  
MANAGEMENT PRACTICES  
(IJEMP)**  
[www.ijemp.com](http://www.ijemp.com)



**KEPERLUAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN SOSIAL BAGI  
PELAJAR BIDANG TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI  
SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA**

*THE NEED FOR SOCIAL ENTREPRENEURSHIP EDUCATION FOR  
TECHNICAL AND VOCATIONAL STUDENTS IN SECONDARY SCHOOLS IN  
MALAYSIA*

Salmah Ali<sup>1\*</sup>, Arman Shah Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email: salmahali44@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email: armanshah@ftv.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 24.12.2024

**To cite this document:**

Ali, S., & Abdullah, A. S. (2024). Keperluan Pendidikan Keusahawanan Sosial Bagi Pelajar Bidang Teknikal Dan Vokasional Di Sekolah Menengah Di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (28), 330-343.

**DOI:** 10.35631/IJEMP.728022.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Keusahawanan sosial merupakan aspek penting dalam pendidikan moden masa kini kerana ia membekalkan pelajar dengan kemahiran dan pemikiran tertentu untuk menangani isu sosial. Pengintegrasian keusahawanan sosial dalam kurikulum pelajar sekolah menengah di Malaysia, khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional adalah perlu kerana ia membuka peluang kerjaya yang luas. Selain itu, pengintegrasian pendidikan keusahawanan sosial juga memberi ruang kepada pelajar untuk belajar menyelesaikan masalah sosial. Namun begitu, sehingga kini pendidikan keusahawanan sosial masih lagi tertumpu pada pendidikan di peringkat tertiari sahaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji keperluan pendidikan keusahawanan sosial di peringkat sekolah di Malaysia, dengan fokus kepada pelajar tingkatan 4 dalam bidang teknikal dan vokasional. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pendidikan keusahawanan sosial dan juga mengenal pasti tekad keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar tingkatan 4 bidang teknikal dan vokasional di sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif melibatkan 368 orang pelajar. Data dikumpul melalui soal selidik menggunakan skala Likert 7 mata. Dapatan menunjukkan majoriti pelajar memahami konsep keusahawanan sosial dan menyokong keperluan kursus formal dalam bidang ini di sekolah menengah. Walaupun pendedahan terhadap aktiviti keusahawanan sosial masih kurang, namun pelajar menunjukkan tekad yang positif terhadap keusahawanan sosial.

Dapatkan ini mengukuhkan keperluan untuk membudayakan dan membekalkan pelajar dengan pendidikan keusahawanan sosial dalam kurikulum di peringkat awal sistem pendidikan di Malaysia.

**Kata Kunci:**

Bidang Teknikal dan Vokasional, Pelajar Sekolah Menengah, Pendidikan Keusahawanan Sosial

**Abstract:**

Social entrepreneurship is an essential aspect of modern education, equipping students with specific skills and mindsets to address social issues. Integrating social entrepreneurship into the secondary school curriculum in Malaysia, particularly in the technical and vocational fields, is crucial as it opens up vast career opportunities. Moreover, the incorporation of social entrepreneurship education allows students to learn how to solve social problems effectively. However, to date, social entrepreneurship education has mainly been concentrated at the tertiary level. Therefore, this study aims to explore the necessity of social entrepreneurship education at the school level in Malaysia, focusing on Form 4 students in technical and vocational fields. The main objectives of this study are to identify the need for social entrepreneurship education and assess the entrepreneurial intentions among Form 4 technical and vocational students in Malaysian secondary schools. The study employed a descriptive quantitative approach involving 368 students. Data were collected through questionnaires using a 7-point Likert scale. Findings indicated that the majority of students understood the concept of social entrepreneurship and supported the need for a formal course in this field at the secondary school level. Although exposure to social entrepreneurship activities was limited, students demonstrated positive intentions towards social entrepreneurship. These findings reinforce the need to cultivate and equip students with social entrepreneurship education within the early stages of the Malaysian education system.

**Keywords:**

Secondary School Students, Social Entrepreneurship Education, Technical And Vocational Fields

## Pengenalan

Kehadiran lebih ramai usahawan perniagaan yang berjaya mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui hasil dan kelebihan rezeki yang diperoleh oleh usahawan tersebut (Hariyaty, 2014). Usahawan juga berperanan dalam menyelesaikan masalah dan keperluan masyarakat. Pembentukan seseorang usahawan bukan sahaja bermula daripada perniagaan yang diwarisi, namun usahawan juga dibentuk melalui pendidikan dan latihan-latihan yang diperoleh secara formal. Program-program pendidikan dan latihan formal berkaitan keusahawanan ini dilihat memberi kesan yang signifikan terhadap pemikiran dan kemahiran keusahawanan pelajar dengan menyediakan pelbagai inisiatif pendidikan yang menekankan pembelajaran, kreativiti, ketahanan, dan kebolehan menyelesaikan masalah (Bauman & Lucy, 2021). Namun begitu, pendidikan berkaitan keusahawanan sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan usahawan itu sebagai salah satu faktor penyelesaian masalah masyarakat.

Usahawan dan bakal usahawan seharusnya diberi pendedahan tentang nilai sosial dalam diri mereka dan antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan membudayakan minda keusahawanan sosial di peringkat pendidikan tinggi (Hariyaty et al., 2023; Adewumi, & Naidoo, 2022; Bublitz et al., 2021). Kini, konsep keusahawanan sosial yang menekankan objektif sosial dan bukan bermotifkan keuntungan semata-mata semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Dengan kesedaran yang semakin meningkat terhadap keusahawanan sosial, banyak institusi pengajian telah menawarkan kursus keusahawanan sosial dalam usaha untuk memupuk kesedaran, aspirasi dan tingkah laku sosial pelajar. Akan tetapi, pendedahan kepada pendidikan keusahawanan sosial ini dilihat lebih tertumpu kepada sektor pendidikan tinggi sahaja apabila jurusan atau kursus yang berkaitan keusahawanan sosial hanya ditawarkan pada peringkat ini dan tidak tertumpu kepada peringkat pendidikan sekolah menengah.

Kewujudan usahawan sosial seringkali dikaitkan dengan isu membantu mengatasi masalah kemiskinan masyarakat sekeliling mahupun masyarakat global. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022, insiden kemiskinan dalam kalangan Bumiputera telah meningkat kepada **7.9 peratus** berbanding **7.2 peratus** pada tahun 2019. Peningkatan ini turut berlaku dalam kalangan kaum lain, di mana insiden kemiskinan dalam kalangan **Cina** meningkat kepada **1.9 peratus** berbanding **1.4 peratus** pada tahun 2019, manakala dalam kalangan **India** pula meningkat kepada **5.4 peratus** berbanding **4.8 peratus** pada tahun yang sama. Peningkatan insiden kemiskinan dalam kalangan **Bumiputera, Cina, dan India** menunjukkan keperluan mendesak untuk menangani isu ini secara holistik. Pendidikan keusahawanan sosial memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah kemiskinan dengan membekalkan individu, terutamanya generasi muda, dengan **kemahiran, pengetahuan, dan sikap keusahawanan** untuk mencipta peluang ekonomi yang mampan. Selain itu, pendidikan keusahawanan sosial juga boleh **membudayakan nilai empati, kreativiti, dan tanggungjawab sosial** dalam kalangan pelajar. Dengan kesedaran ini, mereka akan lebih cenderung untuk membantu kumpulan terpinggir dan miskin dengan membina perniagaan yang inklusif serta memberikan impak positif kepada masyarakat.

Pihak kerajaan juga telah melebarkan usaha untuk membudayakan keusahawanan sosial dalam diri masyarakat amnya dan pelajar khususnya dengan memperkenalkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy 2030). Teras kedua dalam lima teras strategik SEMy 2030 adalah untuk meningkatkan kesedaran, jangkauan, dan pembudayaan keusahawanan sosial di Malaysia. Usaha untuk memupuk semangat dan nilai keusahawanan sosial ini antaranya adalah melalui sistem pendidikan. Hal ini dinyatakan dalam strategi ketujuh teras strategik SEMy 2030. Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat kerajaan, maka penekanan kepada jangkauan dan pembudayaan keusahawanan sosial dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah sangat perlu dan sewajarnya usaha ini bermula dari peringkat sekolah lagi.

Pendidikan keusahawanan sosial (PKS) telah diperkenalkan di institusi pendidikan khususnya di universiti sebagai salah satu usaha untuk membimbing usahawan sosial masa hadapan. Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan sosial yang diajar di universiti, tanpa mengira latar belakang akademik dan budaya, boleh digunakan untuk menangani masalah-masalah sosial dalam komuniti dengan membangunkan inovasi sosial untuk menyelesaikan isu-isu tersebut (Muhammad Hamirul Hamizan et al., 2019). Selain daripada memperoleh pendidikan akademik, seharusnya pelajar juga perlu menguasai kemahiran insaniah seperti keusahawan dan keusahawanan sosial sejak dari pendidikan awal bagi mencungkil bakat sedia ada secara

optimum (Radin Siti Aishah, Norasmah & Zaidatol, 2017). Pelajar seharusnya telah dide dahkan dengan pendekatan keusahawanan sosial melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum sejak peringkat awal pengajian bagi menjamin kesinambungan budaya keusahawanan sosial. Oleh itu, bagi membolehkan ilmu pendidikan keusahawanan sosial ini dide dahkan lebih awal kepada pelajar, maka pendidikan dari peringkat sekolah seharusnya menjadi medium utama dalam merealisasikan usaha ini.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti analisis keperluan bagi pendidikan keusahawanan sosial di peringkat sekolah di Malaysia berdasarkan objektif-objektif yang berikut:

- i. Mengenalpasti keperluan pendidikan keusahawanan sosial kepada pelajar bidang teknikal dan vokasional.
- ii. Mengenal pasti tekad keusahawanan sosial pelajar bidang teknikal dan vokasional.

Selain itu, skop kajian ini adalah untuk menekankan kepentingan keperluan pendidikan keusahawanan sosial di peringkat sekolah menengah dengan memberi fokus kepada tahap kesedaran dan kefahaman pelajar mengenai konsep keusahawanan sosial. Kajian juga mensasarkan pelajar Tingkatan 4 bidang teknikal dan vokasional sebagai populasi dan sampel.

## **Kajian Literatur**

### ***Keusahawanan Sosial***

Keusahawanan sosial adalah konsep pelbagai dimensi yang menggabungkan prinsip keusahawanan dengan misi untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu sosial melalui penyelesaian kreatif, inovatif dan lestari. Ia melangkaui paradigma perniagaan tradisional dengan mengutamakan impak sosial berbanding keuntungan, dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dan memperkasa komuniti yang kurang bernasib baik (Godwin & Crocker, 2024; Mohammadi, Alhattali & AlGhatrifi, 2024). Secara tradisinya, keusahawanan sosial melibatkan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana yang memberi fokus kepada mencapai matlamat iaitu memberi manfaat sosial dan menyelesaikan masalah masyarakat. Dalam konteks yang lebih luas, keusahawanan sosial merangkumi aktiviti berorientasikan sosial yang dilaksanakan oleh perusahaan komersial, organisasi bukan keuntungan, yayasan amal, dan keusahawanan sosial tidak formal yang semuanya bertujuan menangani isu sosial melalui pendekatan keusahawanan (Irfan, 2023). Intipati keusahawanan sosial terletak pada komitmen terhadap kebijakan, adaptasi, inovasi, dan ketahanan yang membolehkan usahawan sosial mengharungi cabaran yang kompleks dan mendorong perubahan sistemik (Godwin & Crocker, 2024). Sehingga kini, batasan dan definisi keusahawanan sosial masih lagi kabur, dan memerlukan pemahaman yang padat dan komprehensif untuk membezakannya daripada entiti dan aktiviti yang serupa. Secara keseluruhannya, keusahawanan sosial mewakili bidang yang dinamik dan berkembang yang memanfaatkan teknik-teknik perniagaan untuk mencipta nilai perubahan sosial yang positif, adil, dan lestari.

### ***Pendidikan Keusahawanan Sosial (PKS)***

PKS merupakan satu bidang yang semakin berkembang yang bertujuan untuk membangunkan kemampuan pelajar dalam menangani cabaran sosial dan alam sekitar melalui penyelesaian keusahawanan yang inovatif (Dobele, 2016; Baltador & Grecu, 2023). PKS menggabungkan elemen masyarakat sivil, keadilan sosial, dan pendidikan perniagaan (Douglas, 2015). Kurikulum PKS biasanya tertumpu kepada pembangunan kemahiran seperti kreativiti, empati,

pemikiran rasional dan penyelesaian masalah (Dobele, 2016). PKS adalah pendekatan pedagogi yang dirancang untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan bagi pelajar untuk menangani cabaran sosial dan alam sekitar melalui penyelesaian keusahawanan. Ia bertujuan untuk memupuk perniagaan lestari dengan meningkatkan kesedaran pelajar tentang isu-isu kelestarian, merangsang motivasi mereka untuk mencipta perubahan positif, dan melengkapkan mereka dengan alat dan kaedah untuk merancang serta melaksanakan model perniagaan lestari (Baltador & Grecu, 2023). Pendekatan pendidikan ini dilihat sebagai salah satu alternatif kepada penyelesaian masalah sosial, dengan menekankan penciptaan nilai sosial sebagai matlamat utama. Ia melibatkan usaha sistematik untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar, yang diharapkan dapat membantu graduan mencipta pekerjaan dan mengurangkan pengangguran, walaupun pada hakikat masa kini, masih belum sepenuhnya berjaya menyelesaikan masalah sosial dalam beberapa konteks.

Secara keseluruhan, PKS adalah rangka kerja pendidikan yang komprehensif yang bukan sahaja mempersiapkan pelajar untuk faham dan mengaplikasikan bidang keusahawanan tetapi juga menanamkan rasa tanggungjawab sosial yang kuat serta mampu untuk mendorong transformasi sosial. PKS telah diiktiraf secara akademik sebagai subjek dan bidang penyelidikan, namun masih tiada kesepakatan mengenai cara subjek ini harus diajar atau dibudayakan dalam sistem pendidikan formal (Pischedola & de Saouza, 2024). Secara keseluruhan, PKS adalah rangka kerja pendidikan yang komprehensif yang bukan sahaja mempersiapkan pelajar untuk faham dan mengaplikasi bidang keusahawanan tetapi juga menanamkan rasa tanggungjawab sosial yang kuat serta mampu untuk mendorong transformasi sosial.

Jadual 1 di bawah menerangkan dengan lebih mendalam tentang sumbangan kajian-kajian lepas tentang kepentingan pendidikan keusahawanan sosial

**Jadual 1: Kajian Lepas Berkaitan Kepentingan Dan Keperluan Pendidikan Keusahawanan Sosial**

Pengkaji/Tajuk	Sumbangan
Nurwaningsih, M. D., & Santosa, B. (2024)	Kajian ini menekankan kepentingan keusahawanan sosial dalam pengurusan institusi sekolah untuk kelestarian, dengan menekankan penciptaan nilai dan impak positif terhadap alam sekitar. Ia memberikan cadangan kepada penyedia pendidikan untuk membangunkan sistem pengurusan keusahawanan sosial yang komprehensif yang memberi tumpuan kepada proses keusahawanan sosial untuk memastikan kelestarian sekolah.
Andriadi, D., & Idrus, A. (2024)	Pelaksanaan pendidikan keusahawanan di sekolah adalah penting boleh dicapai melalui pelbagai kaedah pembelajaran kreatif dan interaktif seperti mencipta pelan perniagaan sederhana, mengambil bahagian dalam simulasi perniagaan, dan melawat syarikat-syarikat tempatan. Selain itu, dengan menjemput usahawan berjaya sebagai penceramah jemputan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dengan pelajar adalah satu lagi sumbangan terhadap tekad dan niat keusahawanan pelajar.
Khodor, R. M., Valero Coppin,	Kajian ini mendapati bahawa niat keusahawanan pelajar dipengaruhi secara signifikan oleh program keusahawanan sekolah, yang

O., & Alvarez Canovas, (2024).	I.	merangkumi aktiviti seperti makmal, kuliah, dan latihan praktikal. Kajian ini juga menunjukkan bahawa bimbingan kerjaya di sekolah dan sikap keusahawanan pelajar memainkan peranan penting sebagai penghubung antara kurikulum keusahawanan sekolah dan niat keusahawanan pelajar. Dengan kata lain, bimbingan kerjaya yang baik dan sikap positif terhadap keusahawanan dapat meningkatkan kesan positif kurikulum keusahawanan terhadap keinginan pelajar untuk menjadi usahawan.
Sharul Effendy, Saiful Adzlan & Mad Ithnin (2024)		Kajian ini memfokuskan kepada kesan model <i>schoolpreneur</i> terhadap keberkesanannya di sekolah menengah di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa model <i>schoolpreneur</i> terdiri daripada enam komponen: personaliti individu, inkubator, model peranan, mentor, kemahiran bakat, dan latar belakang keluarga, yang menyumbang dengan ketara kepada keberkesanannya keusahawanan di sekolah menengah.
Jadmiko, P., Wati, L., Azliyanti, E., & Hadrus, A. J. (2023)		Kajian ini menekankan kepentingan meningkatkan minat dalam keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran pengalaman sosial, bertujuan untuk mencipta model/panduan pembangunan bagi menumbuhkan minat tersebut melalui kursus pendek. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam purata perkadaran dimensi Kompetensi Keusahawanan Sosial sebelum dan selepas latihan, menekankan potensi bengkel kecil sebagai kaedah alternatif untuk menumbuhkan minat dalam keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar.
Baltador, L.-A., & Grecu, V. (2023)		Kajian ini menyoroti potensi Pendidikan Keusahawanan Sosial dalam membangunkan perniagaan lestari dengan memupuk pengetahuan, kemahiran, dan sikap pelajar untuk menangani cabaran sosial dan alam sekitar melalui penyelesaian keusahawanan. Ia mempersempit kerangka konseptual yang menghubungkan PKS dengan dimensi kelestarian (ekonomi, sosial, dan alam sekitar), berhujah bahawa PKS dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu-isu kelestarian, memotivasi mereka untuk mendorong perubahan positif, dan menyediakan mereka dengan alat yang diperlukan untuk mencipta dan melaksanakan model perniagaan lestari.
Fahmi, Z., Seprina, E., Aryuli, K., Friyatmi, F., & Evanita, S. (2022)		Kajian ini membincangkan sumbangan Sekolah Berasrama Penuh Islam Terpadu Imam Syafei di Batam dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan dengan pendekatan keusahawanan sosial untuk menangani masalah sosial dan menyebarkan kebaikan dalam masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa program keusahawanan sosial di sekolah ini memberi tumpuan kepada elemen seperti nilai sosial, inovasi, masyarakat sivil, dan aktiviti ekonomi untuk mencapai matlamat memberikan manfaat kepada ramai orang, selaras dengan konsep ekonomi Islam.
McArt, R., McCauley, V., & Flynn, P. D. (2022).		Kajian ini menekankan keberkesanannya pembelajaran sosial dalam meningkatkan niat Keusahawanan Sosial dalam kalangan pelajar, dengan 47% pelajar menyatakan minat untuk memulakan usaha sosial bersama kumpulan mereka selepas menyertai Program Perintis Keusahawanan Sosial. Pendekatan penyelesaian masalah secara

---

kolaboratif didapati meningkatkan keberkesan pelajar, empati, dan penglibatan, dengan 82% pelajar melaporkan keyakinan dalam menyelesaikan masalah sosial dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam Keberkesan Diri Keusahawanan Sosial, menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif lebih berkesan dalam meningkatkan Keberkesan Kolektif yang Dirasakan.

---

Warisetyaningsih, L., Murniarti, E., & Regina, D. (2021) Kajian ini membincangkan kesan keusahawanan digital dan keusahawanan sosial terhadap minat keusahawanan pelajar sekolah menengah vokasional dalam konteks pendigitalan ekonomi dan revolusi industri keempat. Ia menyoroti bagaimana perkembangan keusahawanan digital telah membawa kepada kemunculan usahawan berdasarkan teknologi, terutama di kalangan golongan muda seperti pelajar sekolah menengah vokasional. Selain itu, kajian ini juga menekankan kepentingan keusahawanan sosial dalam menangani isu sosial dengan pendekatan perniagaan.

---

Thea Van der Westhuizen & Sthokozile Luthuli (2020) Kajian ini menekankan kepentingan membangunkan kecekapan keusahawanan dalam kalangan pendidik untuk meningkatkan pembangunan strategik di sekolah dan kajian ini juga mencadangkan bahawa penglibatan kedua-dua persekitaran dalaman dan luaran boleh membantu mengubah sekolah menjadi perusahaan sosial dalam usaha menangani masalah sosial dan mempromosikan pemikiran keusahawanan dalam kalangan belia dan masyarakat.

---

Kajian-kajian di atas menekankan kepentingan penerapan dan pembudayaan pendidikan keusahawanan sosial dalam pengurusan institusi sekolah untuk mencapai kelestarian. Keperluan dan kepentingan pendidikan keusahawanan sosial di sekolah berdasarkan kajian-kajian di atas boleh dikelaskan kepada beberapa faktor seperti :

#### **Peningkatan Kesedaran Dan Kemahiran Keusahawanan.**

Pendidikan keusahawanan membantu pelajar memahami konsep keusahawanan dan memberi mereka kemahiran yang diperlukan untuk mencipta dan menguruskan perniagaan sendiri.

#### **Penyelesaian Masalah Sosial**

PKS memberi fokus kepada nilai sosial, inovasi, dan aktiviti ekonomi untuk menangan masalah sosial. Contohnya seperti program di Sekolah Berasrama Penuh Islam Terpadu Imam Syafie di Batam menunjukkan bagaimana pendekatan keusahawanan sosial boleh digunakan untuk menyebarkan kebaikan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

#### **Meningkatkan Niat Keusahawanan**

Kajian menunjukkan bahawa program keusahawanan sekolah seperti aktiviti di makmal, kuliah dan latihan praktikal dapat meningkatkan niat keusahawanan pelajar. Bimbingan kerjaya dan sikap positif terhadap keusahawanan juga memainkan peranan penting dalam menghubungkan kurikulum keusahawanan dengan niat keusahawanan pelajar.

## Pembelajaran Sosial Dan Kolaboratif

Pendekatan pembelajaran seperti pengalaman sosial dan penyelesaian masalah secara kolaboratif dapat meningkatkan empati, penglibatan, dan keberkesan pelajar dalam menyelesaikan masalah sosial.

Justeru, pendidikan keusahawanan dan keusahawanan sosial di sekolah adalah sesuatu yang penting yang perlu dititikberatkan untuk membangunkan pelajar yang bukan sahaja mempunyai kemahiran keusahawanan tetapi juga mempunyai kesedaran sosial dan alam sekitar. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan ekonomi tetapi juga membantu menangani pelbagai masalah sosial secara inovatif dan berkesan. Oleh itu, adalah penting untuk melaksanakan pendidikan keusahawanan khususnya pendidikan keusahawanan sosial di sekolah-sekolah dengan memulakan alternatif dan pendekatan seperti pembelajaran kreatif dan interaktif serta melibatkan usahawan berjaya sebagai model peranan untuk memberi inspirasi kepada pelajar.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan empat bidang teknikal dan vokasional di sekolah menengah di Malaysia. Persampelan adalah secara rawak berstrata yang melibatkan seramai 368 orang pelajar dalam bidang tersebut. Responden menjawab soal selidik dengan menggunakan pautan ‘*Google Form*’ yang dikongsi melalui guru kanan bidang teknikal dan vokasional sekolah menengah di empat buah negeri yang terpilih. Konstruk dan item yang digunakan dalam soal selidik telah adaptasi dan diubahsuai daripada kajian terdahulu (Radin Siti Aishah, 2016). Konstruk dan item ini telah diterima sepenuhnya apabila memenuhi aspek keperluan kesahan dan nilai kebolehpercayaan (Cronbach Alpha > 0.93). Interpretasi nilai Cronbach Alpha ini adalah berpadanan dengan nilai pekali kebolehpercayaan melebihi 0.9 berada pada tahap yang baik dan boleh diterima (George & Mallery, 2003). Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* untuk mengenal pasti keperluan pendidikan dan tekad keusahawanan sosial berdasarkan peratusan, skor min dan sisihan piawai.

## Dapatkan Kajian

### *Analisis Demografi Responden*

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian daripada dua objektif dan disusuli dengan perbincangan.

Berdasarkan jadual 2 di bawah, responden kajian ini terdiri daripada 368 pelajar tingkatan 4 bidang teknikal dan vokasional sekolah menengah. Secara perinciannya, bilangan pelajar perempuan lebih tinggi iaitu 60.1 peratus berbanding pelajar lelaki iaitu sebanyak 39.9%. Bagi item bidang kursus yang diambil pula, bidang perakaunan menunjukkan jumlah paling banyak iaitu seramai 135 orang yang mewakili 36.7%, bidang perniagaan pula adalah sebanyak 105 orang yang mewakili 28.5%, bidang ekonomi seramai 43 orang atau 11.7%, bidang kejuruteraan adalah seramai 42 orang mewakili 11.4%, bagi bidang ekonomi rumah tangga pula, seramai 23 orang iaitu 6.3%, dan teknologi maklumat seramai 20 orang mewakili 5.4% daripada keseluruhan responden.

**Jadual 2: Analisis Demografi Responden**

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>A1 Jantina</b>		
Lelaki	147	39.9
Perempuan	221	60.1
<b>JUMLAH</b>	<b>368</b>	<b>100</b>
<b>A2 Bidang Kursus</b>		
Ekonomi	43	11.7
Ekonomi Rumah Tangga	23	6.3
Kejuruteraan	42	11.4
Perakaunan	135	36.7
Perniagaan	105	28.5
Teknologi Maklumat	20	5.4
<b>JUMLAH</b>	<b>368</b>	<b>100</b>

Jadual 3 di bawah menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan berkenaan keperluan pendidikan keusahawanan sosial. Seramai 283 (76.9%) pelajar tingkatan empat bidang teknik dan vokasional berpendapat bahawa mereka faham mengenai konsep keusahawanan sosial. Hanya segelintir sahaja iaitu seramai 85 orang pelajar iaitu 23.1% tidak memahami konsep keusahawanan sosial. Peratus pelajar yang memahami konsep keusahawanan sosial lebih ramai telah menyumbang kepada perlunya pendidikan keusahawanan sosial dilaksanakan diperingkat sekolah.

Terdapat seramai 186 orang pelajar iaitu mewakili 50.5% pelajar menyatakan bahawa mereka pernah mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan keusahawanan sosial disekolah berbanding 182 orang atau 49.5 % yang tidak pernah mengikuti aktiviti tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang mempunyai pengalaman belajar berkaitan keusahawanan sosial adalah lebih kurang sama. Seterusnya, seramai 190 orang pelajar mewakili 50.5% responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti apa-apa aktiviti kokurikulum berkaitan keusahawanan sosial. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada jumlah responden tidak mempunyai pengalaman dalam aktiviti keusahawanan sosial. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar masih tidak mendapat pendedahan sewajarnya tentang keusahawanan sosial. Lanjutan itu, seramai 286 orang pelajar mewakili 77.7% berpendapat bahawa kursus atau subjek keusahawanan sosial perlu diambil secara formal di sekolah. Dapatan ini menguatkan lagi keperluan bahawa pendidikan dan pembudayaan keusahawanan sosial di sekolah adalah perlu. Seterusnya seramai 309 orang pelajar (84%) menyatakan bahawa guru atau mentor memainkan peranan yang penting dalam menentukan keinginan mereka untuk menjadi usahawan sosial. Manakala seramai 59 orang (16%) tidak bersetuju. Dapat ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk keinginan pelajar untuk menjadi usahawan sosial.

**Jadual 3: Keperluan Pendidikan Keusahawanan Sosial Di Sekolah**

No	Item	Kekerapan		Peratusan %	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Adakah anda memahami konsep keusahawanan sosial?	283	85	76.9	23.1
2	Adakah anda pernah mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan keusahawanan sosial di sekolah?	186	182	50.5	49.5
3	Adakah anda pernah mengikuti aktiviti kokurikulum berkaitan keusahawanan sosial di sekolah?	178	190	48.4	51.6
4	Adakah terdapat bahan atau sumber pengajaran yang menjurus secara langsung kepada pembudayaan atau penerapan elemen keusahawanan sosial di sekolah?	235	133	63.9	36.1
5	Kursus atau subjek keusahawanan sosial perlu diambil secara formal oleh setiap pelajar.	286	82	77.7	22.3
6	Adakah guru atau mentor memainkan peranan penting dalam menentukan keinginan anda untuk menjadi usahawan sosial?	309	59	84	16

Jadual 4 di bawah menunjukkan tekad keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar secara keseluruhan. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap tekad keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Bidang Teknik dan Vokasional adalah tinggi. Secara keseluruhan, pelajar yang mempunyai tekad untuk menjadi seorang usahawan sosial yang tinggi dengan skor min 4.57 dan sisihan piawai 1.24 daripada skor 1 hingga 7. Ini menunjukkan bahawa pelajar tingkatan 4 bidang teknik dan vokasional mempunyai kecenderungan tekad keusahawanan sosial yang positif. Responden juga didapati sering terfikir untuk menjadi usahawan sosial dengan skor min adalah sebanyak 4.58 dan sisihan piawai sebanyak 1.57. Pelajar juga mempunyai kecenderungan untuk menubuhkan perusahaan sosial sendiri dengan skor min 4.65 dan sisihan piawai 1.29. Dapatan juga menunjukkan bahawa responden sering menawarkan diri dalam sebarang bentuk aktiviti kemasyarakatan di sekolah. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja mempunyai niat yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan sosial, tetapi juga sering menawarkan diri untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan di sekolah.

**Jadual 4: Tekad Keusahawanan Sosial**

Item	Bilangan	Min	Sisihan Piawai
Saya bertekad menjadi seorang usahawan sosial.	368	4.57	1.24
Saya sering terfikir untuk menjadi seorang usahawan sosial.	368	4.58	1.57
Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menubuhkan perusahaan sosial sendiri.	368	4.65	1.29
Saya sering menawarkan diri dalam sebarang bentuk aktiviti kemasyarakatan di sekolah.	368	4.66	1.47

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan-dapatan ini, hasil menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan 4 bidang Teknik dan vokasional mempunyai tekad dan kecenderungan yang tinggi terhadap keusahawanan sosial. Mereka tidak hanya berhasrat untuk menjadi usahawan sosial tetapi juga aktif menawarkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan di sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa adanya potensi yang besar untuk membudayakan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar melalui program pendidikan dan aktiviti yang lebih berstruktur dan menyeluruh. Oleh itu, objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti keperluan pendidikan keusahawanan sosial dan tekad pelajar terhadap bidang ini telah berjaya dicapai. Untuk memanfaatkan potensi ini, sekolah boleh memperkenalkan model atau garis panduan berkenaan pendidikan keusahawanan sosial sebagai sebahagian daripada kurikulum sedia ada. Model atau garis panduan ini boleh merangkumi elemen teori dan praktikal yang memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran keusahawanan, pemahaman tentang isu-isu sosial, dan kaedah untuk mencari penyelesaian yang inovatif dan berkesan. Pelajar boleh dilibatkan dalam projek-projek mini keusahawanan sosial yang memberi mereka peluang untuk merancang, melaksanakan, dan menilai projek-projek yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial di sekitar mereka.

Selain itu, kolaborasi dengan badan-badan luar seperti NGO dan syarikat-syarikat sosial boleh diadakan untuk memberikan pelajar pengalaman langsung tentang bagaimana keusahawanan sosial berfungsi dalam dunia sebenar. Usahawan sosial yang berjaya boleh dijemput untuk memberi ceramah dan bengkel kepada pelajar, berkongsi pengalaman dan strategi mereka dalam membina perniagaan yang bukan sahaja berorientasikan keuntungan tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakat. Program-program ini juga boleh diintegrasikan dengan aktiviti kokurikulum seperti kelab keusahawanan, di mana pelajar boleh terus mengasah kemahiran mereka dalam suasana yang lebih santai dan interaktif. Melalui pembelajaran yang holistik ini, pelajar bukan sahaja akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi usahawan sosial, tetapi juga akan membentuk sikap dan nilai yang penting untuk memacu perubahan positif dalam masyarakat. Dengan usaha yang bersepakat ini, sekolah boleh

memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi usahawan sosial yang berdaya saing dan beretika, yang mampu menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan 4 bidang Teknikal dan Vokasional di sekolah-sekolah terpilih, yang mungkin tidak mencerminkan keseluruhan populasi pelajar di Malaysia. Kedua, kajian ini tertumpu kepada pendekatan kuantitatif semata-mata, tanpa mengambil kira dapatkan kualitatif yang mungkin memberikan pandangan lebih mendalam tentang pengalaman dan persepsi pelajar. Ketiga, tempoh kajian yang terhad juga boleh mempengaruhi hasil dapatan, khususnya dalam menilai impak jangka panjang program atau intervensi pendidikan keusahawanan sosial.

### Penghargaan

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Pengajian Siswazah UPSI kerana menganjurkan *International Postgraduate Colloquium 2024*. Pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah terutamanya guru-guru kanan bidang teknikal dan vokasional serta pelajar tingkatan 4 di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

### Rujukan

- Adewumi, S. A., & Naidoo, L. D. (2022). Student entrepreneurship mindset and social entrepreneurship pedagogy in a global health pandemic in Lagos State University, Nigeria. *Entrepreneurship and Sustainability Issues*, 10(1). [http://doi.org/10.9770/jesi.2022.10.1\(10\)](http://doi.org/10.9770/jesi.2022.10.1(10))
- Andriadi, D., & Idrus, A. . (2024). Entrepreneurship Education in a School. *LADU: Journal of Languages and Education*, 4(3), 83–89. <https://doi.org/10.56724/ladu.v4i3.277>
- Baltador, L.-A., & Grecu, V. (2023). Developing sustainable entrepreneurs through social entrepreneurship education. *Studies in Business and Economics*, 18(2), 37–47. <https://doi.org/10.2478/sbe-2023-0023>
- Bauman, A., & Lucy, C. (2021). Enhancing entrepreneurial education: Developing competencies for success. *The International Journal of Management Education*, 19(1). <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2019.03.005>
- Bublitz, M. G., Chaplin, L. N., Peracchio, L. A., Cermin, A. D., Dida, M., Escalas, J. E., Eilert, M., Gloukhovtsev, A., & Miller, E. G. (2021). Rise up: Understanding youth social entrepreneurs and their ecosystems. *Journal of Public Policy & Marketing*, 40(2), 206–225.
- Dobele, L. (2016). A new approach in higher education: Social entrepreneurship education. *Proceedings of the 11th International Conference on Management, Enterprise and Benchmarking (MEB 2016)*, 227–238.
- Douglas, H. (2015). Designing social entrepreneurship education. *Journal of Social Entrepreneurship and Innovation*, 3(5), 362–373.
- Fahmi, Z., Seprina, E., Aryuli, K., & Evanita, S. (2022). Social entrepreneurship: Wujud kemaslahatan umat melalui program kewirausahaan santri sebagai upaya membangun generasi robbani. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 18(4), 377-390.
- Godwin, C., & Crocker-Billingsley, J. (2024). Social entrepreneurship. In *Encyclopedia of Social Work*.
- George, D., & Mallory, P. (2003). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*. Allyn & Bacon.

- Hariyat Ab Wahid. (2014). Keusahawanan Sosial, Daya Tahan dan Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM Bangi.
- Hariyat Ab Wahid, Rafiduraida Abdul Rahman, Wan Salmuni Wan Mustaffa, Noor Lela Ahmad., Mohamad Rohieszan Ramdan, & Ade Mufrodi Muslimat (2023). Best social entrepreneurship teaching and learning strategies for promoting students' social entrepreneurial minds: A scoping review. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 23(3), 23–47. <https://doi.org/10.26803/ijlter.23.3.2>
- Irfan, M., Ahmad, A., Shah, S. M. A., & Ishaque, A. (2023). Social entrepreneurship: An exploration of formal and informal institutions factors in Pakistan. *Russian Law Journal*, 11(5).
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
- Jadmiko, P., Wati, L., Azliyanti, E., & Hadrus, A. J. (2023). Social entrepreneurship education in higher education. *Jurnal Apresiasi Ekonomi*, 14(2), 112-123.
- Khodor, R. M., Valero Coppin, O., & Alvarez Canovas, I. (2024). Exploring Entrepreneurial Intention and Student Engagement of Youth Living in Poverty. *Behavioral sciences (Basel, Switzerland)*, 14(11), 995. <https://doi.org/10.3390/bs14110995>
- McArt, R., McCauley, V., & Flynn, P. D. (2022). Impact of collaborative problem solving on youth social entrepreneurial intention. *European Conference on Innovation and Entrepreneurship*, 2022, 159-174.
- Mohammadi, P., Alhattali, K. S. S., & AlGhatrifi, I. N. S. (2024). Rethinking the boundaries and definition of social entrepreneurship: A critical literature review. *Business Management and Strategy*, 15(1), 226-226.
- Muhammad Hamirul Hamizan Roslan, Suraya Hamid, Mohamad Taha Ijab, Farah Dina Yusop, & Azah A Norman. (2022). Social entrepreneurship in higher education: Challenges and opportunities. *Asia Pacific Journal of Education*, 42(3), 588-604. <https://doi.org/10.1080/02188791.2020.1859354>
- Nurwaningsih, M. D., & Santosa, B. (2024). Comparative study of social entrepreneurship management for school sustainability. *American Journal of Economic and Management Business*, 3(5). E-ISSN: 2835-5199.
- Pischetola, M., & de Souza e Silva Martins, L. (2021). Teaching social entrepreneurship in higher education: Active pedagogy in a Deweyan perspective. *Journal of Social Entrepreneurship*. <https://doi.org/10.1080/19420676.2021.1976816>
- Radin Siti Aishah Radin A Rahman. (2016). *Kesan Status Anggota Enactus sebagai penyederhana antara personaliti, usahawan, modal insan dan modal sosial dengan tekad keusahawanan sosial di institusi pengajian tinggi*. Universiti Putra Malaysia.(Tesis PhD).
- Radin Siti Aishah, Norasmah Othman, & Zaidatol Akmaliah Lope Pihie.(2017). *Social Entrepreneurship Intention among Students of Different Status and University Category*.*International Journal of Economic Research*. 14(15). ISSN:0972-9380. Available at <http://www.serialsjournals.com>
- Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030. Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN)
- Sharul, Effendy, Janudin., Saiful, Adzlan, Saifuddin., Mad, Ithnin, Salleh. (2024). The Impact of Schoolpreneur Model on Effectiveness of Entrepreneurship in Malaysian Secondary School. *RGSA*, doi: 10.24857/rgsa.v18n5-055
- Thea Van der Westhuizen & Sthokozile Luthuli (2020). Developing Entrepreneurial Competencies for Secondary Schools as Social Enterprises: Inclusiveness in Decision-

Making Processes. <https://www.igi-global.com/book/developing-entrepreneurial-competencies-start-ups/23783>. DOI: 10.4018/978-1-7998-2714-6.ch011

Warisetyaningsih, L., Murniarti, E., & Regina, D. (2021). The use of Digipreneur and Sociopreneur on Entrepreneurship Interest of Vocational Secondary School Students. *International Journal of Research*. 9(9): 62-70.  
<http://dx.doi.org/10.29121/granthaalayah.v9.i9.2021.4232>